

Taat kepada Agama dalam Suasana Suka Duka

(Oleh: Muhammad Ali al-Hamidi)

Setiap hari bukan sedikit kita menyaksikan pelanggaran akan perintah-perintah Allah, ada oleh kerana seseorang itu sedang dalam kemelaratan dan ada pula oleh sebab kesenangan atau kemewahan. Pura-pura seperti orang yang tak mengerti agama atau tak peduli agama, sehingga dalam amal perbuatan dan percakapan menggambarkan kederhakaan.

Ia lupa bahawa sikap sombong atau tak mahu peduli ajaran-ajaran dan peringatan-peringatan Allah *'azza wa jalla* kalau selamanya begitu sahaja boleh menyebabkan hatinya keras seperti batu. Lama-lama boleh seperti kaum Yahudi dahulu atau Bani Israel, berhati keras dan melanggar hukum Allah.

Kata Shaykh al-Islām Ibn Taymiyah: Ibn 'Abbās tidak mengatakan bahawa Nabi (S.A.W) melihat Tuhan dengan mata kepalanya dalam keadaan jaga. Imam Aḥmad meng*ithbāt*kan "*ru'yat mināmiyyah*" – (melihat dalam mimpi).

Dan ahli al-Sunnah semuanya sepakat, bahawasanya Allah Ta'āla tidak dapat dilihat oleh seseorang pun dalam dunia, tidak oleh Nabi, dan tidak oleh selainnya. Tak ada perselisihan terkecuali pada masalah Nabi kita Muḥammad (S.A.W) melihat Tuhan. (al-Manār 9: 134-199, 142- 149).

Al-Qurṭubī dalam *Sharah Muslim*, tidak mahu menidakkan dan tidak mahu menetapkan, kerana dalam bab ini tidak ada dalil yang *qaṭ'īyy*.

Sebab itu maka Allah *'azza wa jalla* mengutuk hati mereka dalam firmannya, dalam Surah al-Hadīd ayat 16 (ertinya):

“Belumkah tiba saatnya bagi orang-orang yang beriman kepada Allah (berlaku) tunduk hatinya mengingat Allah dan kebenaran yang diturunkannya? Dan janganlah mereka seperti orang-orang yang diberi kitab dahulu kalanya, kerana panjang masa (lalu terjauh dari kebenaran Allah) maka keras hati mereka dan kebanyakan mereka orang-orang yang fasik”.

Ibn 'Abbās menerangkan bahawa saat sahabat-sahabat berhijrah ke Madinah maka mereka merasai penghidupan yang lapang sedang dahulunya mereka kesulitan. Hal ini hampir menyebabkan mereka tergelincir dari ketentuan-ketentuan Allah, sehingga mereka mengurangkan dari berbuat baik maka Tuhan segera menegur mereka dengan ayat di atas, yang diturunkannya untuk peristiwa itu.

Sekian lama atau 13 tahun sahabat-sahabat Nabi di Makkah nyatalah sekali betapa tunduk dan terbuka hati mereka bagi mendengar dan memperhatikan peringatan-peringatan Allah. Apa-apa yang disampaikan Nabi segera mereka turut, mana perintah dikerjakan dan larangan dijauhi. Tetapi setelah mereka berhijrah ke Madinah dan mendapat penghidupan yang lapang hampir sahaja mereka tergelincir dan tertipu dengan kelegaan itu. Untung sahaja hati mereka yang hampir keras itu dapat dikembalikan oleh ayat al-Qur'ān tadi dan akhirnya mereka kembali taat dan bergerak dengan sepenuh iman.

Sebab itu cuba kita renungkan keadaan kita sekarang!

Kalau sahabat Nabi hampir mendapat kelemahan kerana pengaruh kesenangan hidup hanya 13 tahun jauh dari permulaan turun ayat, maka betapa lagi kita kaum Muslimin sekarang yang sudah 13 abad jauhnya, tentulah lebih lagi, bukan?

Ada kelemahan-kelemahan yang ada pada kita yang harus kita ubah supaya jangan sampai merosak diri dan kedudukan umat yang banyak. Maka ubatnya ialah kembali mengingat Allah dan bekerja kerana menuntut keredaannya, dengan amal perbuatan yang ikhlas serta kebajikan yang melimpah-limpah manfaatnya untuk sesama kita. Selalu mendengar nasihat dan peringatan-peringatannya yang selalu disampaikan oleh ahli-ahli agama itu.

Jauh dari petunjuk Allah itu adalah satu kerugian yang sebenar-benarnya, sebab dengan tak mahu mendengar nasihat Allah maka banyak tindakan-tindakan yang berakibat buruk pada diri sendiri dan keluarga serta umat . Kebaikan-kebaikan yang diperbuat kerana mentaati Allah sangat berguna bagi diri sendiri dan orang banyak dan kita dapat penghargaan dari Allah.

Dalam Surah al-Tawbat, Ayat 105, Allah berfirman: (Ertinya): “Katakanlah! Beramallah kamu, kerana Allah dan Rasul-Nya serta kaum Muslimin akan melihat buktinya. Dan kamu akan dikembalikan kepada Yang Maha Mengetahui akan yang ghaib dan barang yang nyata, maka dia akan menerangkan apa yang kamu lakukan”.

Demikianlah peringatan dari Tuhan!

Selain dari itu ada pula yang perlu diperhatikan.

Kerap kali juga, kerana kemelataran, orang mengaibkan

perintah Allah atau berani melanggar larangan-Nya. Ini berbahaya pula, sebab kalau kerana kemelataran itu ia derhaka kepada Allah maka dengan kederhakaan itu namun ia pun tidak akan terlepas dari kesengsaraan.

Yang perlu ialah berusaha sekuat-kuatnya sedang taat kepada Tuhan jangan lupa, supaya dirinya dapat mencapai keutamaan.

Sudah lama dikenal peringatan Nabi: “*Kāda al-faqir yakūna kufiran*” (Kepapaan itu baris-baris membawa kepada kufur - P.) iaitu kemelataran itu boleh membawa kepada derhaka, tetapi ini hanyalah galakan untuk berusaha mencari nafkah.

Oleh sebab itu maka dalam keadaan betapa jua namun bakti taat kepada Allah jangan lupa dan lalai, baik waktu kesusahan atau waktu lapang.

Inilah yang perlu kita tanamkan dalam hati masing-masing sebab Allah menghendaki ketaatan kepadanya dalam saat apa jua dan ketaatan itu harus menjadi tabiat hidup kita.

Kalau orang perhatikan ini, maka agama kita pasti tambah bersinar dan kuat, sebab dalam kesusahan dan melarat kita tak mahu dialihkan orang pada lain jalan, dan kalau lapang kita pun tidak lupa daratan.

Orang-orang yang berkuasa boleh berbuat semahu-mahunya dan boleh berkata sekehendaknya dengan tidak memandang adakah perbuatannya dan percakapannya itu sesuai dengan perbuatan dan perkataannya itu. Tetapi Tuhan tidak membiarkannya.